

Headline	Hepatitis punca utama kanser hati		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Kesihatan	Circulation	314,321
Page No	f5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	710 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,366



# Hepatitis punca utama kanser hati

>>Oleh **NORAINON OTHMAN**

**H**EPATITIS ialah radang hati yang disebabkan oleh jangkitan virus. Ada lima jenis hepatitis iaitu A dan B (paling lazim dan boleh dicegah) serta C, D dan E. Hepatitis A ialah jangkitan paling lazim bagi pelancong yang boleh dicegah dengan imunisasi.

Cukup mengejutkan apabila statistik menunjukkan seorang daripada 12 penduduk dunia mengalami hepatitis kronik B atau C.

Hepatitis penyakit yang berbahaya dan boleh meragut nyawa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan 600,000 orang meninggal dunia setiap tahun kerana hepatitis B dan 1.4 juta kes hepatitis A berlaku setiap tahun.

Kira-kira 70 peratus kes hepatitis B dan C berlaku di kalangan penduduk Asia. Hepatitis B dan C penyebab utama sirosis dan kanser hati di dunia terutama di Asia Pasifik.

Berbanding HIV atau kanser, kesedaran mengenai penyakit hepatitis begitu rendah. Berikutan itu, Hari Hepatitis Sedunia disambut pada 28 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai virus hepatitis serta punca penyakit.

Objektif Kempen Hari Kesihatan Sedunia Malaysia tahun ini ialah meningkatkan kesedaran, diagnosis, pencegahan dan rawatan.

Hepatitis yang berlangsung kurang daripada enam bulan atau dipanggil akut, manakala hepatitis yang bertahan lebih lama dipanggil hepatitis kronik.

Serangan hepatitis akut boleh mengakibatkan keletihan, sakit di bahagian hati, sakit kuning, air kencing menjadi gelap dan kegatalan, manakala hepatitis kronik

berlaku dengan gejala yang kurang disedari seperti keletihan.

Mereka yang dijangkiti hepatitis B kronik, terutama yang mempunyai sirosis (hati berparut), berisiko tinggi mendapat kanser hati yang boleh membawa maut.

Pakar Gastroenterologi dan Hepatologi Hospital

Pantai Kuala Lumpur, Dr Ganesanathan Shanmuganathan berkata, hepatitis A dan B mudah merebak melalui perkongsian barangan peribadi seperti pencukur dan tuala.

Menurutnya, apabila dijangkiti hepatitis A dan B, virus akan mengaktifkan sistem imunisasi bagi melancarkan kawalan pertahanan. Akibatnya, hati akan mengalami keradangan dan kerosakan.

Kebanyakan individu menghidap hepatitis B dan C tidak menunjukkan gejala. Simptom seperti sakit kuning, keletihan dan hilang berat badan dan pembetulan air dalam badan akan terjadi apabila penyakit hati merebak dan menyebabkan kegagalan fungsi hati atau kanser hati.

"Mereka yang dijangkiti virus mungkin mengalami sakit yang berlarutan sehingga beberapa minggu atau bulan hingga menjejaskan pekerjaan atau kehidupan.

"Jangkitan hepatitis A dan B pula boleh mengambil masa dari beberapa bulan hingga setahun untuk sembuh," katanya ketika forum awam bertajuk 'Hepatitis Made Easy' sempena Hari Hepatitis Sedunia anjuran hospital berkenaan, baru-baru ini.

Menurutnya, tiada rawatan khusus untuk hepatitis A dan B, sebaliknya hanya boleh melegakan gejala iaitu dengan mengawal penghidratan yang disebabkan mun-

tah atau cirit-birit teruk.

Bahaya virus hepatitis B mungkin terdedah kepada petugas kesihatan kerana mereka mungkin dijangkiti melalui darah, jarum atau cecair tubuh yang tercemar.

Jangan pandang ringan hepatitis dengan mengangap anda mungkin tidak terdedah kepada penyakit ini. Pergerakan manusia di serata dunia yang semakin meluas memungkinkan setiap orang berisiko untuk mendapat penyakit ini.

Untuk mencegah daripada jangkitan virus hepatitis A dan virus hepatitis B (HBV), anda dinasihatkan mengambil vaksin.

Vaksin A diberikan kepada pelancong berjaya mengurangkan kadar jangkitan hepatitis A di seluruh dunia.

#### Gejala jangkitan hati:

- kekuningan pada kulit dan mata (sakit kuning)
- keletihan
- gatal-gatal
- air kencing gelap
- sakit, kembung perut
- usus berdarah
- ujian darah menunjukkan

kegagalan fungsi hati tidak normal

**Seseorang terdedah risiko jika:**

- mempunyai pembantu rumah atau pekerja asing
- makan di restoran dikendalikan orang asing
- melawat negara mundur yang tidak mementingkan penjagaan kebersihan
- tinggal bersama individu yang berisiko tinggi terhadap jangkitan
- kerap memerlukan darah atau produk darah
- pekerja kesihatan

● terbabit dalam aktiviti seksual yang berisiko

● mempunyai pasangan atau tinggal serumah dengan individu dijangkiti hepatitis

#### Penyebab hepatitis akut:

- jangkitan virus hepatitis

seperti hepatitis A, hepatitis B, hepatitis C, hepatitis D dan hepatitis E

● virus penyakit lain seperti monocleosis dan cytomegalovirus

● jangkitan bakteria teruk

● jangkitan amoebic

● ubatan seperti racun paracetamol dan halothane (sejenis ubat bius)

● toksin: alkohol dan toksin kulat contohnya keracunan cendawan payung

#### Penyebab hepatitis kronik:

##### **VIRUS... (dari atas) hepatitis A, B dan C.**

Ada beberapa penyebab yang berbeza, antaranya:

● jangkitan virus hepatitis seperti hepatitis B, hepatitis C dan hepatitis D

● ubat-ubatan

● toksin seperti alkohol

● hepatitis auto imun (sel hati dimusnahkan oleh sistem imun pesakit itu sendiri)

##### Penyebab lain:

● ubat-ubatan

● tiroid

● penyakit vaskular: kegagalan fungsi hati dan sindrom Budd Chiari (akibat penyumbatan urat. hepatic disebabkan pembekuan darah atau tumor)

Cara virus hepatitis B merebak:

● jangkitan virus bawaan darah

● daripada ibu kepada bayi

● pendedahan hepatitis B melalui:

- rawatan penjagaan kesihatan (pemindahan darah)

- aktiviti seksual

- picagari atau kelengkapan yang tidak disteril

- bekas luka pada kulit yang ditembusi jarum aku-

Headline	Hepatitis punca utama kanser hati		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Kesihatan	Circulation	314,321
Page No	f5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	710 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,366

puntur

- tatu, bertindik, akupuntur
- aktiviti sukan

**Faktor risiko bagi jangkitan hepatitis C:**

- berkongsi peralatan suntikan ubat
- pemindahan darah/organ sebelum pemeriksaan diperkenalkan (di Malaysia sebelum 1994)
- berkongsi menggunakan peralatan yang tidak steril dalam bidang perubatan atau pergigian

- tatu dan bertindik menggunakan peralatan yang tidak steril
- cedera terucuk picagari (petugas kesihatan)
- aktiviti seks tanpa perlindungan atau banyak pasangan





**Apabila dijangkiti hepatitis A dan B,**

**virus mengaktifkan sistem imunitasi bagi melancarkan kawalan pertahanan. Akibatnya, hati akan mengalami keradangan dan kerosakan”**

>Dr S Ganesanathan

Pakar Gastroenterologi dan Hepatologi  
Hospital Pantai Kuala Lumpur



Headline	Hepatitis punca utama kanser hati		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Kesihatan	Circulation	314,321
Page No	f5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	710 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 78,366



**KESEDARAN...** orang ramai menjalani ujian darah bagi mengesan hepatitis.